

## **Pengaplikasian kemahiran berfikir dalam pengajaran kemahiran hidup bersepadu (ekonomi rumah tangga) di sekolah menengah**

### Abstrak

Penggubalan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) adalah selari dengan matlamat Falsafah Pendidikan Negara untuk meningkatkan kemampuan intelek pelajar berfikir secara kritis dan kreatif. Kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif disepadukan di dalam pengajaran bertujuan untuk memberi kemahiran kepada pelajar supaya berfikir secara kritis dan boleh menghasilkan ideaidea baru. Kemahiran berfikir diterapkan kepada pelajar melalui soalan-soalan aras tinggi, aktiviti-aktiviti yang menggalakkan pemikiran dan penyelesaian masalah serta kaedah-kaedah pengajaran. Sistem pendidikan di Malaysia bukan sahaja menekankan kepada sistem 3 M iaitu membaca, menulis dan mengira tetapi juga menekankan kepada kemahiran berfikir, kemahiran saintifik dan kemahiran teknologi. Pelbagai program sedang dirancang dan akan dilaksanakan bagi memantapkan lagi sistem pendidikan negara. (Som dan Dahlan, 1998)